

NAMA PENUH:

KELAS:

KARANGAN BAHAGIAN B (30 MARKAH)

Soalan: Permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda. Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional.

Arahan: Padankan susunan ayat berikut.

a) Pendahuluan

Ayat tema	Oleh itu, apakah usaha-usaha yang dilaksanakan untuk mempopularkan kembali permainan tradisional pada hari ini?
Ayat huraian tema	Pada era globalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita ini telah menyebabkan permainan tradisional semakin dilupakan dek ditelan zaman.
Ayat contoh tema	Permainan tradisional merupakan salah satu budaya yang membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek ,moyang kita.
Ayat fokus (kehendak soalan)	Mereka mengisi waktu lapang dengan bermain permainan tradisional seperti guli, congkak, wau dan sepak raga bersama-sama dengan jiran tetangga mereka.




b) Perenggan isi 1

Ayat topik	Dengan ini, jelaslah bahawa generasi muda perlu mempopularkan permainan tradisional negara kita.
Ayat huraian 1	Antara usaha mempopularkan permainan tradisional ini ialah kita perlu mencari maklumat tentang permainan tradisional tersebut.
Ayat huraian 2	Sebagai contoh pertandingan permainan congkak.
Ayat contoh	Kita juga boleh mengambil bahagian dalam pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan oleh mana-mana pihak.
Ayat penegas	Setelah maklumat diperoleh , kita perlu mencuba permainan tersebut dengan ahli keluarga

c) Perenggan isi 2

Ayat topik	Oleh itu, semoga usaha-usaha yang dilakukan oleh ibu bapa ini dapat mempopularkan permainan tradisional.
Ayat huraian	Selain itu, ibu bapa perlu memberi sokongan kepada anak-anak dengan cara membelikan peralatan permainan tradisional.
Ayat contoh	Ibu bapa juga boleh membawa anak-anak menyaksikan pertandingan permainan tradisional ini.
Ayat penegas	Misalnya,ibu bapa membawa anak-anak melawat ke muzium dan galeri seni untuk melihat dengan lebih dekat peralatan permainan tradisional ini di samping memahami cara-cara permainan ini dimainkan.



d) Perenggan isi 3

Ayat topik	Sebagai contoh, menubuhkan Kelab Seni dan Budaya, Kelab Permainan Tradisioanl , Kelab Congkak, Kelab Wau dan sebagainya
Ayat huraian 1	Seterusnya, pihak sekolah juga boleh menubuhkan kelab permainan tradisional.
Ayat huraian 2	Dengan tertubuhnya kelab permainan tradisional ini, ahli-ahli kelab dapat menganjurkan pertandingan.
Ayat contoh	Sekolah juga boleh menghantar ahli-ahli kelab mengikuti kursus permainan tradisional bagi menarik minat pelajar melibatkan diri dalam permainan ini.
Ayat penegas	Hal ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah berperanan penting untuk mempopularkan permainan tradisional.

e) Perenggan isi 4

Ayat topik	Sebagai contoh, kerajaan mengadakan karnival pertandingan tradisional seperti Pesta Layang-layang yang diadakan di Pasir Gudang, Johor setiap tahun.
Ayat huraian 1	Usaha kerajaan ini dapat menarik kedatangan pelancong asing ke negara kita sekali gus dapat mempopularkan permainan tradisional ini.
Ayat huraian 2	Melalui Kementerian Belia dan Sukan kerajaan boleh mengadakan kursus permainan tradisional ini untuk golongan belia.
Ayat contoh	Usaha ini boleh dilakukan melalui kempen yang berterusan.
Ayat penegas	Akhir sekali, kerajaan perlu mempromosikan permainan tradisional melalui televisyen dan surat khabar.

f) Perenggan penutup

Rumusan	Semoga setiap di antara kita sedar dan melakukan sesuatu bagi memastikan generasi akan datang mengetahui dan memelihara keunikan budaya dan warisan merak tanpa ditelan arus kemajuan dunia.
Cadangan	Secara tuntas, pelbagai usaha boleh direalisasikan untuk mempopularkan semula permainan tradisional dalam kalangan masyarakat hari ini.
Harapan	Oleh itu, setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha yang ingin dilaksanakan.

